



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENINGKATAN PELABURAN DAN PENGLIBATAN DALAM PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) MEMPERKUKUH ASPIRASI MALAYSIA SEBAGAI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI BERTERASKAN INOVASI

KUALA LUMPUR, 17 JULAI 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaksanakan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan bagi tahun kewangan 2022. Kajian dwitahunan ini selaras dengan prinsip **Daya Cipta dan Kemampanan** dalam kerangka **Malaysia MADANI**, dengan tujuan menilai prestasi pelaburan serta tahap penglibatan negara dalam aktiviti R&D sebagai asas penting kepada pembangunan negara yang berpaksikan pengetahuan dan inovasi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Malaysia mencatatkan Perbelanjaan Kasar untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) atau *Gross Expenditure on R&D (GERD)* sebanyak **1.01% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** pada tahun 2022. Ini merupakan peningkatan ketara berbanding **0.95% pada tahun 2020**, sekaligus mencerminkan komitmen negara yang semakin kukuh dalam menjadikan penyelidikan sebagai teras kepada pembangunan sosioekonomi negara. Peningkatan ini adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memperkasa ekosistem sains, teknologi dan inovasi (STI) negara, ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi.

Daripada jumlah GERD tersebut, sebanyak **51% disumbangkan oleh sektor industri melalui Perbelanjaan Industri ke atas R&D (*Business Expenditure on R&D - BERD*)**, meningkat ketara berbanding hanya **34% pada tahun 2020**. Peningkatan ini menegaskan peranan aktif sektor swasta sebagai pemacu utama dalam ekosistem inovasi negara untuk menggalakkan penglibatan aktif industri dalam penyelidikan yang berimpak tinggi.

Nisbah penyelidik kepada tenaga kerja juga turut mencatatkan peningkatan memberangsangkan iaitu sebanyak **55 penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga kerja**, berbanding **33 orang pada tahun 2020**. Ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk membina kapasiti modal insan yang berkemahiran tinggi dan berpotensi besar untuk menjana pengetahuan dan teknologi baharu.

Menurut YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, peningkatan pelaburan dalam R&D adalah kunci untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan berdaya saing. Beliau menegaskan bahawa MOSTI komited memperkukuh ekosistem R&D negara dengan memastikan hasil penyelidikan dapat diterjemahkan kepada penyelesaian nyata yang memberi impak kepada rakyat, memperkukuh industri tempatan, dan merangsang pertumbuhan ekonomi berteraskan inovasi.

Kerajaan sebelum ini menetapkan sasaran untuk negara mencapai Perbelanjaan Kasar untuk Penyelidikan dan Pembangunan (GERD) sebanyak 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui agenda Ekonomi Madani bagi memastikan pembangunan ekonomi yang kukuh dalam jangka masa panjang.

Ke arah usaha tersebut, MOSTI telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuh landskap R&D negara yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang inovatif, berdaya tahan dan beretika. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk:

1. **Peningkatan Dana Penyelidikan Berasaskan Impak** – Memperluas akses pembiayaan R&D kepada syarikat dan institusi penyelidikan yang memberi impak tinggi, terutamanya dalam bidang teknologi hijau, digital dan lestari.
2. **Penubuhan Konsortium Penyelidikan Industri-Akademia** – Menggalakkan kerjasama tiga pihak antara kerajaan, industri dan akademik untuk menangani isu-isu nasional melalui penyelidikan yang berfokus. Contohnya, **Konsortium Penyelidikan Semikonduktor yang diterajui oleh MIMOS pada tahun 2024** telah memacu kemajuan teknologi semikonduktor dan mengangkat Malaysia sebagai hab penyelidikan semikonduktor di ASEAN.
3. **Pemeriksaan Infrastruktur R&D Nasional** – Meningkatkan kapasiti makmal, pusat kecemerlangan serta jaringan sumber R&D antara negeri demi pembangunan teknologi yang inklusif. Penubuhan **National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)** pada tahun 2020 merupakan antara inisiatif utama untuk menyediakan ekosistem pengujian dan pembangunan teknologi di peringkat pra-komersial secara langsung di lokasi sebenar, sekali gus merapatkan jurang antara penyelidikan dan aplikasi industri.
4. **Pengukuhan Mobiliti dan Latihan Penyelidik** – Menyediakan program pembangunan bakat melalui latihan industri, penyelidikan bersama antarabangsa serta insentif untuk penyelidik muda. Antara inisiatif yang disokong termasuklah **Young Scientists Network di bawah Akademi Sains Malaysia** yang membina kapasiti penyelidik muda menerusi latihan penyelidikan, pendedahan kepada teknologi semasa dan jaringan kerjasama di peringkat global.

5. **Pelaksanaan Dasar Inovasi Terbuka dan Pengkomersialan** – Mempermudah pemindahan teknologi dan pengkomersialan hasil penyelidikan melalui perlindungan harta intelek serta pembiayaan awal kepada syarikat pemula berasaskan R&D. Pelaksanaan inisiatif Technology Commercialisation Accelerator bertujuan untuk mempercepatkan proses membawa teknologi dari makmal ke pasaran dengan sokongan penilaian kesediaan teknologi, bimbingan pakar dan akses kepada pelabur strategik.

Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk membina negara yang inklusif dan sejahtera melalui kemajuan ilmu dan teknologi, MOSTI kekal komited untuk terus memperkukuh sinergi rentas sektor serta menambah baik dasar dan mekanisme sedia ada. Usaha ini bagi memastikan Malaysia dapat mencapai sasaran GERD sekurang-kurangnya 2.5% daripada KDNK menjelang tahun 2030 seperti yang digariskan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
17 JULAI 2025